



PERBANDINGAN PENCAPAIAN PEPERIKSAAN SECARA DALAM TALIAN DAN KELAS BERSEMUKA

COMPARISON OF EXAMINATION RESULTS FOR ONLINE AND FACE-TO- FACE CLASSES

Farihana Abdul Razak¹, Afidah Osoman^{2*}, Azurawati Zaidi³

¹ Fakulti Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak Kampus Tapah, 35400, Tapah Road, Perak, Malaysia.

Email: farihana@uitm.edu.my

² Fakulti Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak Kampus Tapah, 35400, Tapah Road, Perak, Malaysia.

Email: afidah410@uitm.edu.my

³ Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak Kampus Tapah 35400 Tapah Road, Perak, Malaysia.

Email: azura9237@uitm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 18.07.2023

Revised date: 27.07.2023

Accepted date: 27.08.2023

Published date: 11.09.2023

To cite this document:

Abdul Razak, F., Osoman, A., & Zaidi, A. (2023). Perbandingan Pencapaian Peperiksaan Secara Dalam Talian Dan Kelas Bersemuka. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (33), 61-69.

DOI: 10.35631/IJLGC.833005

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Apabila penyakit berjangkit yang dikenali sebagai virus Covid-19 melanda dunia, sistem pendidikan di institusi pengajian tinggi turut terkesan. Revolusi telah berlaku daripada kuliah secara bersemuka kepada kuliah secara dalam talian bagi mengekang penularan wabak tersebut. Selain itu, kaedah sistem peperiksaan sedia ada berubah kepada secara dalam talian agar memudahkan pihak-pihak yang berkaitan. Objektif artikel ini adalah untuk membincangkan pencapaian peperiksaan pelajar Fakulti Perakaunan yang mengambil subjek "Pengenalan Undang-Undang Perkongsian dan Syarikat", iaitu Kod LAW346. Analisis terhadap pencapaian peperiksaan ini terbahagi kepada (i) pencapaian peperiksaan secara dalam talian semasa pandemik Covid-19 dan (ii) pencapaian peperiksaan secara bersemuka selepas pandemik Covid-19. Didapati pencapaian gred A bagi peperiksaan secara bersemuka selepas pandemik Covid-19 menunjukkan graf penurunan berbanding pencapaian peperiksaan secara dalam talian semasa pandemik Covid-19. Artikel ini menggunakan penyelidikan undang-undang kualitatif melalui kajian kepustakaan dan deskriptif. Berdasarkan graf yang diterjemahkan melalui analisis pencapaian pelajar, artikel ini membuat perbandingan dan membincangkan secara ilmiah kesan pencapaian berdasarkan mod pembelajaran mereka pada semester yang dikaji.

Kata Kunci:

Wabak Covid-19, Pencapaian Peperiksaan, Institusi Pengajian Tinggi, Kuliah Semuka, Kuliah Dalam Talian.

Abstract:

When the Covid-19 virus spread all over the world, it has affected the education system at higher education institutions. In order to prevent the spread of the disease, a shift from face-to-face lectures to online lectures has taken place. Additionally, the present examination system approach has been changed online to benefit those in need. The objective of this article is to explore the examination results of Accounting Faculty students who took the course "Introduction to Partnership and Company Law", which is code LAW346. The analysis of the examination results is based on two categories: (i) online exam result during the Covid-19 outbreak and (ii) face-to-face exam result during post-Covid-19 outbreak. The achievement of "A" grades for face-to-face examinations during the post-Covid-19 outbreak exhibited a trend of reduction as compared to the achievement of online examinations during the Covid-19 outbreak. This article employs qualitative legal research methods such as literature review and descriptive study. This article compares and explores the students' examination results based on their learning style in the semester using descriptive analysis by interpreting and discussing the graph.

Keywords:

Covid-19 Outbreak, Examination Results, Higher Education Institutions, Face-to-Face Lectures, Online Lectures.

Pengenalan

Sistem pendidikan di institusi pengajian tinggi bersandarkan kepada pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka tertakluk kepada bidang pengajian yang ditawarkan. Perkembangan revolusi industri 4.0 (IR 4.0) yang diperkenalkan memberi impak dalam bidang pendidikan bertujuan membentuk generasi yang kreatif, inovatif dan kompetitif. Namun begitu, tidak dinafikan bukan mudah untuk sesetengah pihak merealisasikan pendidikan selari dengan IR 4.0. Penyebaran virus Covid-19 pada tahun 2020 di seluruh negara secara tidak langsung telah merubah keadaan sedia ada. Sekatan perjalanan dan larangan keluar dari rumah telah menyaksikan revolusi dalam sistem pendidikan termasuklah sektor pendidikan tinggi. Contohnya, kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara dalam talian telah diperkenalkan dan dikuatkuasakan serta merta di setiap peringkat pengajian bagi menggantikan kaedah PdP secara bersemuka ekoran pandemik Covid-19. Tidak terkecuali, kaedah peperiksaan di dalam dewan peperiksaan yang digunapakai sebelum ini turut mengalami perubahan. Para pelajar hanya perlu menjawab peperiksaan secara dalam talian. Tujuannya adalah agar kesemua pihak yang terlibat tidak terkecuali dari memperoleh ilmu walaupun dalam keadaan yang berbeza.

Oleh itu, timbul pelbagai situasi dan persepsi bagaimanakah mod PdP dan peperiksaan secara dalam talian ini disambut baik oleh tenaga pengajar dan pelajar? Diperhatikan bahawa keadaan ketika itu telah secara tidak langsung menzahirkan kepenggunaan idea IR 4.0. Namun masih

terdapat kelompongan dari segi kemudahan peranti, capaian Internet dan cabaran-cabaran lain yang menjadi penghalang kepada komunikasi dua hala antara pengajar dan pelajar. Berdasarkan kajian Sokhibul Fadil (2021), ketidakstabilan rangkaian komunikasi internet membantutkan kelancaran proses PDP. Selain itu, cabaran lain yang telah dihadapi adalah seperti isu kewangan dan yuran pengajian, pindaan kelas dan peperiksaan, ketidakupayaan untuk meneruskan pengajian serta perkara berkaitan kesihatan emosi atau fizikal (Michael, Salleh, & Marzuki, 2021).

Setelah keadaan pandemik terkawal, sistem pendidikan telah beransur seperti sediakala. Kebiasaan PdP dan peperiksaan secara dalam talian hampir dua tahun memberi kesan dalam sistem pendidikan. Oleh itu, objektif artikel ini adalah membincangkan pencapaian peperiksaan pelajar Fakulti Perakaunan yang mengambil subjek “Pengenalan Undang-Undang Perkongsian dan Syarikat”, iaitu Kod LAW346. Analisis perbandingan terhadap pencapaian peperiksaan ini terbahagi kepada (i) pencapaian peperiksaan secara dalam talian semasa pandemik Covid-19 dan (ii) pencapaian peperiksaan secara bersemuka selepas pandemik Covid-19.

Metodologi Kajian

Bagi mencapai objektif kajian, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui kajian kepustakaan dan deskriptif. Kajian kepustakaan ini menggunakan sekunder data iaitu dengan mengkaji sumber-sumber literatur melalui artikel, jurnal, laman sesawang, buku dan sebagainya. Ulasan karya terhadap sumber ini dibuat berkaitan dengan topik kajian dan perbincangan. Analisis deskriptif melibatkan penerangan dan ulasan terhadap pencapaian peperiksaan pelajar bagi semester yang dikaji. Pencapaian yang diperolehi digambarkan dalam bentuk graf dan seterusnya dibuat perbandingan melalui perbincangan ilmiah dalam analisis perbandingan pencapaian tersebut.

Menurut Hsieh & Shannon (2005), salah satu kaedah penyelidikan yang digunakan bagi meneliti data teks ialah analisis kandungan kualitatif dan proses analisis data bermula dengan carian manual ataupun melalui komputer. Oleh itu, kajian ini menggunakan aplikasi komputer bagi carian data berhubung keputusan peperiksaan pelajar LAW346 bagi kampus Tapah. Safdar, M.Abbo, Knobloch, & K.Seo (2016) menerangkan bahawa kaedah kualitatif digunakan untuk mengenal pasti topik yang berkaitan dengan penyelidikan. Oleh kerana kod kursus yang dikaji adalah berkaitan dengan penyelidikan, maka kajian ini turut membincangkan secara ilmiah berhubung kuliah bagi kedua-dua mod yang telah membawa kesan kepada pencapaian gred bagi peperiksaan pelajar.

Pelaksanaan Kuliah Secara Dalam Talian: Semasa Penularan Pandemik Covid-19

Institusi pengajian tinggi di pelbagai negara telah menggunakan kaedah yang berbeza berbanding kelaziman bagi menghadapi penularan wabak Covid-19 (Michael et al., 2021). Pelaksanaan kuliah telah dilaksanakan melalui dalam talian termasuklah peperiksaan akhir.

Penggunaan ICT: Dari Tidak Biasa Kepada Terbiasa

Bagi mengelak risiko penularan Covid-19 pada ketika itu, sistem pengajian sedia ada yang melibatkan pertemuan langsung seperti kuliah tidak dapat lagi dilaksanakan (Ibrahim & Mohd Subari @ Sarman, 2021). Para pengajar atau pensyarah dianjurkan terus mempertingkatkan kemahiran dalam bidang ICT (Mohtar & Ahmad Anuar, 2020). Kemahiran menggunakan alat peranti dan kepenggunaan internet telah meningkat semasa wabak Covid-19 melanda negara. Berdasarkan kajian oleh Md Lukmanul Hakim, Junaidun, Mohamamd Fadzil, & Mohd ishar (2021), peratusan penggunaan internet semakin meningkat merangkumi pelbagai aspek

termasuklah perkara yang melibatkan pelajar. Pada tahun 2020, 88.7% pengguna internet telah dikenalpasti dan meningkat 1.3% berbanding tahun 2018 (SKMM, 2020). Oleh kerana kelas secara dalam talian, pelajar telah didedahkan secara sendirinya dengan alat peranti seperti telefon pintar, komputer dan komputer riba yang menjadi keperluan dan keutamaan bagi kelangsungan sistem pendidikan pada ketika itu.

Fokus Dan Jurang

Memulakan perkara yang tidak lazim dilakukan pastinya menuntut fokus dan pembaharuan dalam rutin harian. Apabila berada di rumah, fokus tersasar memandangkan ketidakselesaian selain perlu melakukan kerja-kerja rumah yang lain seperti menjaga adik, mengemas rumah dan sebagainya. Ada waktunya, ketika pelaksanaan kuliah semasa dalam talian sedang berlangsung, apabila pensyarah memanggil nama pelajar, ada dalam kalangan mereka yang tidak memberi respon. Apabila ditanya melalui khidmat pesanan ringkas kepada pelajar, alasan yang telah diterima antaranya adalah mereka sedang menjaga adik yang menangis, gangguan bunyi bisung dari rumah dan alat peranti serta capaian internet yang tidak memuaskan.

Merujuk kepada Pokhrel & Chhetri (2021), pelajar yang lemah dalam pembelajaran menghadapi kesukaran terutama bagi mereka yang kurang bernasib baik dari segi ekonomi dan tidak dapat mengakses serta membeli alat peranti bagi tujuan pembelajaran. Tambahan pula, ketidakstabilan rangkaian komunikasi internet di kawasan pedalaman, kekurangan infrastruktur serta kekangan menjalankan tugas berkumpulan bagi penuntut IPT antara jurang dalam pengajian secara dalam talian (Sokhibul Fadil, 2021).

Selain pelajar, pensyarah perlu sentiasa membuat persediaan dengan menyediakan bahan mengajar bagi kuliah secara dalam talian dan dalam masa yang sama, mereka perlu akur menguruskan hal rumah tangga. Oleh itu, kedua-dua pihak sama ada pelajar dan pensyarah menghadapi pelbagai cabaran pada ketika penularan pandemik Covid-19.

Peperiksaan Secara Dalam Talian

Ibrahim & Mohd Subari @ Sarman (2021) menegaskan pengajian dan pendidikan secara dalam talian merupakan usaha yang telah dilakukan oleh pelbagai pihak kerana kepentingan pendidikan bagi pengisian minda generasi negara ini. Oleh itu, peperiksaan turut dilaksanakan secara dalam talian pada ketika itu adalah kerana faktor pelajar dan pengajar perlu kekal di rumah dan tidak dibenarkan keluar.

Pelaksanaan Kuliah Secara Bersemuka: Setelah Keadaan Kembali Terkawal

Setelah keadaan kembali terkawal, PdP telah dikembalikan seperti asal iaitu secara bersemuka. Kajian yang dilakukan oleh Md Soh, Ismail, Mohd Sairi, & Ayob (2021) mendapati bahawa kesinambungan daripada pandemik Covid-19, pedagogi digital telah menjadi pilihan para pendidik kerana ianya lebih berkesan dan interaktif. Oleh itu, sebahagian kod kursus dijalankan secara *blended learning* iaitu secara bersemuka dan dalam talian. Diawal pembukaan pusat pendidikan setelah pandemic Covid-19, menurut Michael et al., (2021), pihak pengurusan mengambil pendekatan berhati-hati sebelum pelaksanaan kuliah dilaksanakan seperti pembersihan kampus, pengasingan pelajar yang dijangkiti wabak, dan mengekalkan jarak antara satu sama lain. Namun kini, keadaan mula kembali seperti sediakala dan pelaksanaan kuliah ditambah baik walaupun diadakan secara bersemuka. Elemen digital turut dimasukkan seperti menjawab soalan melalui penggunaan aplikasi agar lebih interaktif.

Ketidaksediaan

Namun begitu, dalam kegembiraan dapat melaksanakan PdP secara bersemuka, masih terdapat perkara seperti ketidaksediaan para pelajar dan pengajar menghadapinya. Abu Hassan, Zainol Abidin, & Hassan (2021) berpendapat bahawa kuliah secara dalam talian menyediakan peluang kepada pelajar kerana mereka dapat melakukan aktiviti pembelajaran dan komunikasi tanpa mengambil kira faktor masa dan tempat. Oleh itu, apabila keadaan telah kembali seperti sediakala, dalam menyesuaikan diri dengan norma baharu, perubahan yang dilakukan dalam pendidikan tinggi ada kemungkinan menjadi kekal, terutamanya dari segi memudahkan penyampaian dan komunikasi akademik (Michael et al., 2021).

Kajian ini mendapati setelah hampir dua tahun pelajar melalui pembelajaran secara dalam talian, permulaan awal kuliah yang dilaksanakan secara bersemuka tampak seperti suram dan janggal. Pelajar dan pengajar pada mulanya kekok, namun dapat diatasi setelah beberapa kali pertemuan.

Peranan Pensyarah: PdP Interaktif

Fokus dan minat pelajar ada waktunya tersasar dan peranan pensyarah begitu besar dalam memastikan setiap pelajar memberi tumpuan dan minat dalam subjek yang dipelajari, terutama apabila mereka perlu menukar cara pembelajaran. Kaedah pengajaran dan pentaksiran perlu sesuai dalam menarik perhatian dan minat pelajar terhadap mata pelajaran terutamanya apabila mereka mempunyai prasangka terhadap mata pelajaran tersebut (Khan, 2021).

Ali, Jamil, Ahmad, Mohamed, & Yaacob (2017) telah mencadangkan agar para pengajar melaksanakan pengajaran secara interaktif agar pembelajaran tersebut menjadi lebih bermakna dan memberi inspirasi. Penggunaan telefon pintar merupakan salah satu bentuk teknologi yang boleh digunakan dalam pembelajaran (Widodo & Nursaptini, 2020). Selain itu, Tengku Paris & Yussof (2012) mengemukakan idea permainan papan (*board game*) dilaksanakan di dalam kelas sebagai alat pengajaran. Melanjutkan perbincangan kajian tersebut, kajian ini mendapati bahawa permainan papan boleh dilakukan di dalam kuliah dengan menggunakan mod secara digital melalui pembangunan dan penggunaan aplikasi. Melalui penyertaan pelajar di dalam kelas bagi aktiviti tersebut, mereka dapat bertukar-tukar idea dan membantu mereka berkomunikasi dengan baik (Abdul Razak, Osoman, & Mohammad Patel, 2020). Oleh itu, pelajar akan lebih bersedia dan berasa teruja menjalani kuliah secara bersemuka dan interaktif.

Dengan garis panduan yang disediakan kepada pelajar bagi pasca Covid-19, penerimaan norma baharu memberi kesan yang baik kepada mereka (Adnan & Wan Adnan, 2020). Peperiksaan telah dijalankan seperti mod sediakala iaitu di dalam bilik dan dewan peperiksaan. Namun begitu, sebahagian pelajar berasa janggal setelah terbiasa mengikuti mod pengajian secara dalam talian. Pensyarah akan memainkan peranan penting dalam membantu pelajar untuk sentiasa bersedia menghadapi mod peperiksaan dalam bilik atau dewan peperiksaan. Menurut Ibrahim & Mohd Subari @ Sarman (2021), sebagai pendidik, pensyarah perlu memainkan peranan terhadap pelajar dengan menerangkan hikmah pengajian iaitu kuliah dan peperiksaan yang dihadapi oleh mereka sama ada secara bersemuka ataupun dalam talian.


Analisis dan Dapatan Kajian

Bahagian ini bertujuan menganalisis data berkaitan dengan pencapaian peperiksaan bagi dua keadaan iaitu semasa kendalian kelas dan peperiksaan secara dalam talian dan secara bersemuka. Jadual 1 berikut adalah lima sesi kuliah yang dikaji:

Jadual 1: Sesi Kuliah Yang Dikaji


Sesi	Mod Peperiksaan
1. Oktober 2022 – Februari 2023	secara bersemuka
2. Oktober 2020 – Februari 2021	Secara dalam talian
3. Mac 2021 – Ogos 2021	
4. Oktober 2021 – Februari 2022	
5. Mac 2022 – Ogos 2022	

Sumber: Penulis




Gambar Rajah 1: Pencapaian Peperiksaan Mengikut Semester

Gambar rajah 1 menunjukkan lima sesi kuliah dan peperiksaan yang dikaji dengan pencapaian gred A+, A, A-, B+, B, B-, C+, C, C-, D+, D, E dan F. Diperhatikan bahawa bilangan pelajar paling ramai adalah pada sesi Mac 2021-Ogos 2021. Bilangan pelajar paling sedikit adalah pada sesi Oktober 2020-Februari 2021. Bagi sesi Oktober 2020-Februari 2021, Mac 2021-Ogos 2021 dan Mac 2022-Ogos 2022, bilangan pelajar yang mendapat gred A adalah paling tinggi. Ketiga-tiga sesi ini dijalankan secara dalam talian. Namun begitu, gred pelajar mendapat A pada peperiksaan secara bersemuka bagi sesi Oktober 2022-Februari 2023 menunjukkan penurunan secara mendadak.



Gambar Rajah 2: Pencapaian Gred Cemerlang

Gambar rajah 2 menunjukkan bilangan pelajar yang mendapat pencapaian gred cemerlang (A+, A dan A-). Bagi pencapaian sesi Oktober 2020-Februari 2021, sesi Mac 2021-Ogos 2021, dan sesi Mac 2022-Ogos 2022, bilangan pelajar yang mendapat A lebih tinggi berbanding A+ dan A-. Sesi Oktober 2021-Februari 2022 dan sesi Oktober 2022-Februari 2023, pencapaian gred A- melebihi daripada A dan A+.



Gambar Rajah 3: Pencapaian Gred Gagal

Gambar rajah 3 menunjukkan bilangan pelajar yang mendapat pencapaian gred gagal (D+, D, E dan F). Bagi pencapaian sesi Oktober 2021-Februari 2022 dan sesi Mac 2021-Ogos 2021 tiada gred gagal direkodkan. Sesi ini merupakan sesi kuliah dan peperiksaan secara dalam talian. Manakala bagi sesi Oktober 2021-Februari 2022, terdapat seorang pelajar yang mendapat gred E. Kegagalan pelajar adalah disebabkan tidak menghantar tugas dan tidak dapat menjawab peperiksaan. Seterusnya, Sesi Mac 2022 -Ogos 2022, dua orang pelajar mendapat gred D+ dan seorang mendapat gred F; manakala bagi sesi Oktober 2022-Februari 2023, pelajar yang mendapat gred gagal iaitu D+ telah meningkat kepada tiga orang. Didapati,

terdapat peningkatan angka kegagalan apabila mod kuliah dan peperiksaan kembali kepada mod asal, iaitu secara bersemuka. Bagi sesi Mac 2022-Ogos 2022, kegagalan pelajar adalah disebabkan dua faktor iaitu (i) format soalan peperiksaan; dan (ii) tidak menghantar tugas serta tidak dapat menjawab soalan peperiksaan.

Kesimpulan

Pandemik Covid-19 yang melanda negara telah membuka dimensi baru kepada kebiasaan yang dilakukan dalam PdP. Dalam situasi yang mendesak, telah ramai pihak yang membuka mata tentang PdP secara dalam talian. Pelbagai usaha dilakukan dalam merealisasikan matlamat yang ingin dicapai. Selain itu, pendidikan untuk semua juga dapat dilihat apabila variasi nota dikongsikan dalam pelbagai cara dan platform. Kini, walaupun sudah kembali reda dan pelajar serta tenaga pengajar menghela nafas lega mengembalikan PdP dalam kelas iaitu secara bersemuka, nota dan ilmu yang telah dikongsikan semasa pandemik dahulu masih boleh dirujuk dan digunapakai. Tiada alasan untuk berjaya walaupun medium peperiksaan telah berubah daripada secara dalam talian kepada dalam bilik atau dewan peperiksaan kerana kejayaan adalah bergantung kepada individu itu sendiri samada untuk berusaha dengan gigih atau sebaliknya. Oleh kerana menjalani peperiksaan dalam bilik atau dewan kuliah adalah perkara yang bukan luar biasa kerana kita telah didedahkan dari sekolah lagi, maka, pandemik Covid-19 sepanjang dua tahun dalam mod secara dalam talian tidak seharusnya dijadikan alasan gagal disebabkan kaedah peperiksaan tersebut.

Penghargaan

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan penulisan artikel ini.

Rujukan

- Abdul Razak, F., Osoman, A., & Mohammad Patel, I. F. (2020). Teaching Law to Non-Law Background Students : Challenges and Strategies. *International Journal of Humanities and Social Science Invention (IJHSSI)*, 9(3), 51–55.
- Abu Hassan, S. A., Zainol Abidin, S., & Hassan, Z. (2021). Keberkesanan Pembelajaran dan Pengajaran Pelajar di Kolej Komuniti Hulu Langat. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*, 10, 1–14. Retrieved from <https://journal.ump.edu.my/ijhtc/article/view/6241>
- Adnan, H., & Wan Adnan, W. Z. (2020). Impak Pandemik Covid-19: Kajian Keberkesanan Proses Pendaftaran Pelajar dan Hari Suai Kenal Pelajar Baharu Sebelum dan Semasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). *ANP Journal of Social Science and Humanities*, 1(1), 1–6.
- Ali, R., Jamil, N. I., Ahmad, S. N. D., Mohamed, N., & Yaacob, N. A. (2017). The impact of XRace game board as an experiential learning approach. *Advanced Science Letters*, 23(11), 10648–10651. <https://doi.org/10.1166/asl.2017.10122>
- Hsieh, H.-F., & Shannon, S. E. (2005). Three Approaches to Qualitative Content Analysis. *Qualitative Health Research*, 15(9), 1277–1288. <https://doi.org/10.1177/1049732305276687>
- Ibrahim, R., & Mohd Subari @ Sarman, A. (2021). Perspektif Hikmah Pendidikan Atas Talian Ketika Wabak Covid-19. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 5(June), 45–63.
- Khan, H. A. (2021). Teaching Law to Non-Law Students: The Students Experience. *Asia Proceedings of Social Sciences*, 8(2), 147–150. <https://doi.org/10.31580/APSS.V8I2.1898>

- Md Lukmanul Hakim, N. A., Junaidun, N. A., Mohamad Fadzil, N. S., & Mohd ishar, M. I. (2021). Persepsi Pengguna Internet di Malaysia Semasa Pandemik COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(4), 117–125.
- Md Soh, N. S., Ismail, H., Mohd Sairi, F., & Ayob, M. A. S. (2021). Nilai Murni dalam Pendidikan 5.0. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 5(December), 1–11.
- Michael, F. L., Salleh, S. F., & Marzuki, E. (2021). The Impact of Covid-19 amongst International Students in UNIMAS. *International Journal of Business and Society*, 22(2), 607–617. <https://doi.org/10.33736/IJBS.3746.2021>
- Mohtar, A., & Ahmad Anuar, A. H. (2020). Penggunaan Internet di Dalam Mempertingkatkan Proses Pengajaran & Pembelajaran (P&P) Dalam Kalangan Pelajar, Jabatan Perdagangan, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah. *Journal on Technical and Vocational Education*, 5(1), 75–80.
- Pokhrel, S., & Chhetri, R. (2021). A Literature Review on Impact of COVID-19 Pandemic on Teaching and Learning. *Higher Education for the Future*, 8(1), 133–141. <https://doi.org/10.1177/2347631120983481>
- Safdar, N., M. Abbo, L., Knobloch, M. J., & K. Seo, S. (2016). Research Methods in Healthcare Epidemiology: Survey and Qualitative Research. *Infection Control & Hospital Epidemiology*, 37(11), 1272–1277. Retrieved from <https://scihub.se/https://doi.org/10.1017/ice.2016.171>
- Sokhibul Fadil, S. A. (2021). Norma Baharu Pembelajaran Secara Terbuka dan Jarak Jauh (Open Distance Learning (ODL) dalam Kalangan Mahasiswa Semasa Musim Pandemik Covid-19. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 22(2), 173–184. <https://doi.org/10.37231/JIMK.2021.22.2.598>
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM). (2020). Internet users survey 2020: Infographic. *Statistics and Data Intelligence Department, Malaysian Communications and Multimedia Commission*, 1–6. Retrieved from <https://www.mcmc.gov.my/ms/resources/statistics/internet-users-survey>
- Tengku Paris, T. N. S., & Yussof, R. L. (2012). Enhancing Grammar Using Board Game. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 68, 213–221. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2012.12.221>
- Widodo, A., & Nursaptini, N. (2020). Merdeka belajar dalam pandemi: Persepsi mahasiswa terhadap pembelajaran jarak jauh berbasis mobile. *Jurnal Pembangunan Pendidikan: Fondasi Dan Aplikasi*, 8(2), 86–96. <https://doi.org/10.21831/JPPFA.V8I2.35747>